

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 – 6/1/1Jld 4(8)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN  
SUBANG JAYA BIL. 8 TAHUN 2017**

**Tarikh** : 22 Ogos 2017 (Selasa)  
**Masa** : 09.30 pagi hingga 11.30 pagi  
**Tempat** : Bilik Mesyuarat Kenanga,  
Aras 2, Ibu Pejabat,  
Majlis Perbandaran Subang Jaya  
**Kehadiran** : Seperti di Lampiran A

**1.0 BACAAN DOA**

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Raja Mohd Ashraf bin Raja Chik, Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

**2.0 PERUTUSAN PENGERUSI**

Tuan Pengerusi memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini adalah Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 8/2017 dan seterusnya memaklumkan beberapa perkara seperti berikut:

**2.1 MAJLIS PELANCARAN KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG  
PERINGKAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA 2017**

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan **Majlis Pelancaran Kempen Kibar Jalur Gemilang Peringkat MPSJ 2017** seperti maklumat berikut:

**Tarikh : 22 Ogos 2017 (Selasa)**  
**Masa : 9.00 pagi**  
**Tempat : Hadapan Arena, Bangunan Ibupejabat  
MPSJ**

Program ini merupakan salah satu inisiatif penyampaian Khidmat Pesanan Masyarakat MPSJ sempena bulan kemerdekaan Malaysia yang ke-60. Ia juga bertujuan bagi menyemarakkan perasaan patriotik dikalangan warga kerja sekaligus kepada komuniti dalam meningkatkan perasaan cinta kepada jalur gemilang.

Semua Ahli Majlis, Pengarah, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ adalah dijemput hadir bagi memeriahkan kejohanan ini.

## **2.2 PROGRAM EKSPLORASI DAN MAJLIS PELANCARAN SKUAD CEGAH DENGGI 2017**

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan **Program Eksplorasi dan Majlis Pelancaran Skuad Cegah Denggi 2017** seperti maklumat berikut:

**Tarikh : 22 Ogos 2017 (Selasa)**  
**Masa : 8.30 pagi**  
**Tempat : Surf Deck, Sunway Lagoon,  
No. 3, Jalan PJS 11/11, Bandar Sunway,  
Petaling Jaya, Selangor**

MPSJ telah mengambil inisiatif bagi menubuhkan skuad denggi di peringkat sekolah bagi tujuan pendedahan kepada generasi muda disamping penyampaian Khidmat Pesanan Masyarakat MPSJ berkaitan bahaya denggi melalui pendekatan *edutainment (education and entertainment)*.

Program ini merupakan salah satu modul dibawah program Anugerah Sekolah Sejahtera yang dirancang selaras dengan Pelan Strategik MPSJ 2012-2030 (pindaan 2013) dalam Teras ke 2 iaitu Perancangan dan Pembangunan Mampan serta Mesra Alam dan Teras ke 5 iaitu Pembentukan Masyarakat Madani dalam mewujudkan masyarakat sihat dan sejahtera.

Program ini akan dihadiri oleh 52 buah sekolah terdiri daripada sekolah rendah dan menengah yang akan diwakili oleh seorang guru dan empat orang murid dimana jumlah peserta adalah sebanyak 260 peserta. Program ini dilaksanakan secara kolaboratif bersama rakan sinergi iaitu *Sunway Lagoon Sdn.Bhd*, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (JPNS) dan Jabatan Pendidikan Petaling Perdana (JPPP).

Semua Ahli Majlis, Pengarah, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ adalah dijemput hadir bagi memeriahkan majlis pelancaran ini.

### **2.3 PERTANDINGAN PIALA KABBADI MPSJ 2017 SEMPENA SAMBUTAN ULANGTAHUN MPSJ KE-20**

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan **Pertandingan Piala Kabbadi MPSJ 2017** Sempena Sambutan Ulangtahun MPSJ ke 20 seperti maklumat berikut:

**Tarikh** : **26 Ogos 2017 (Sabtu)**  
**Masa** : **9.00 pagi – 11.00 malam**  
**Tempat** : **Dewan Serbaguna Kompleks 3K MPSJ,  
Serdang Raya**

Penganjuran pertandingan ini diharap dapat membantu melahirkan dan mencungkil bakat-bakat baru dalam sukan Kabbadi terutama di

kalangan remaja dan belia untuk diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi. Kejohanan ini merupakan salah satu acara tahunan antara pihak MPSJ dan Persatuan Kabbadi Malaysia.

Semua Ahli Majlis, Pengarah, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ adalah dijemput hadir bagi memeriahkan kejohanan ini.

#### **2.4 MAJLIS PERASMIAN KELAS MENJAHIT DAN KRAFTANGAN BAGI PROGRAM KESEJAHTERAAN MASYARAKAT BANDAR (PKMB) MPSJ SEMPENA SAMBUTAN ULANGTAHUN MPSJ KE 20**

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan **Majlis Perasmian Kelas Menjahit dan Kraftangan Bagi Program Kesejahteraan Masyarakat Bandar (PKMB) MPSJ Sempena Sambutan Ulangtahun MPSJ Ke 20.**

Pihak Jabatan Pembangunan Masyarakat mengambil inisiatif bagi menubuhkan Kelas Menjahit dan Kraftangan bagi Program Kesejahteraan Masyarakat Bandar (PKMB) di Kompleks 3C yang terdiri daripada warga emas, ibu tunggal, OKU, belia dan kaum wanita.

Maklumat program adalah seperti berikut:

**Tarikh : 9 September 2017 (Sabtu)**

**Masa : 9.00 pagi – 12.00 tengahari**

**Tempat : Bilik Sindiket 2, Aras 1, Kompleks 3C**

Objektif program ini diadakan adalah bagi membantu memberikan kemahiran yang pelbagai bagi memenuhi kehendak komuniti MPSJ yang terdiri daripada pelbagai latarbelakang dan peringkat umur.

Disamping itu juga, program ini membantu warga emas dan kaum wanita untuk mengisi masa lapang mereka dengan pelbagai aktiviti seperti menjahit banner terpakai, asas menjahit baju, menganyam tudung saji dan kraftangan *felt*.

Kelas Menjahit dan Kraftangan PKMB MPSJ ini akan diadakan setiap hari Sabtu iaitu minggu akhir setiap bulan dan aktiviti yang dijalankan adalah seperti berikut :

BIL.	AKTIVITI	JENIS AKTIVITI
1.	Kelas menjahit Banner Terpakai Dijadikan Sebagai Beg	<ul style="list-style-type: none"><li>• Menjahit banner terpakai dijadikan sebagai beg</li></ul>
2.	Kelas Anyaman Tudung Saji	<ul style="list-style-type: none"><li>• Menghasikan seni anyaman tudung saji menggunakan reben.</li></ul>
3.	Kelas Asas Menjahit Skirt	<ul style="list-style-type: none"><li>• Mendraf asas pola baju</li><li>• Cara menjahit baju</li></ul>
4.	Kraftangan <i>felt</i>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Membuat kraftangan menggunakan kain felt dan aksesori hiasan manik.</li></ul>

Semua Ahli Majlis, Pengarah, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ adalah dijemput hadir ke majlis pelancaran ini.

## **2.5 KARNIVAL MESRA RAKYAT PUCHONG SEMPENA SAMBUTAN HARI MALAYSIA DAN SAMBUTAN ULANGTAHUN MPSJ KE 20**

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan **Karnival Mesra Rakyat Puchong Sempena Sambutan Hari Malaysia dan Sambutan Ulangtahun MPSJ ke 20** seperti maklumat berikut:

**Tarikh : 16 September 2017 (Sabtu)**

**Masa : 8.00 pagi – 6.00 petang**

**Tempat : Padang Bolasepak MPSJ,  
Taman Sri Puchong**

Penganjuran program ini bertujuan untuk memperkenalkan kemudahan sukan dan riadah kepada penduduk, golongan belia dan remaja yang akan digunakan untuk menjalankan aktiviti sukan dan riadah.

Antara aktiviti yang akan dilaksanakan ialah pertandingan futsal lelaki terbuka, *soccer kids*, tarik tali, karom, congkak, dam aji, sukan rakyat, pertandingan mewarna dan taklimat Program Kesejahteraan Masyarakat Bandar (PKMB).

Semua Ahli Majlis, Pengarah, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ adalah dijemput hadir bagi memeriahkan karnival ini.

## **2.6 KARNIVAL PUNCAK JALIL SEMPENA SAMBUTAN ULANGTAHUN MPSJ KE 20**

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan **Karnival Puncak Jalil Sempena Sambutan Ulangtahun MPSJ ke 20** seperti maklumat berikut:

**Tarikh : 23 September 2017 (Sabtu)**

**Masa : 7.00 pagi – 6.00 petang**

**Tempat : Taman Rekreasi Puncak Jalil,  
Taman Lestari Putra, Seri Kembangan**

Penganjuran karnival ini adalah bertujuan untuk mempromosi dan memperkenalkan Taman Rekreasi Puncak Jalil sebagai kawasan beriadah dan bersukan khususnya kepada penduduk sekitar kawasan Serdang dan Seri Kembangan.

Antara aktiviti yang akan dijalankan ialah program *walkathon*, gotong-royong menanam pokok, pertandingan memanah, pertandingan *in door games* seperti karom dan dam aji, aktiviti gerai jualan dan sesi santai belia bersama PeBT.

Semua Ahli Majlis, Pengarah, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ adalah dijemput hadir bagi memeriahkan karnival ini.

## **2.7 PROGRAM JALINAN KASIH 'HOME HELP SERVICES' SEMPENA SAMBUTAN ULANGTAHUN MPSJ KE 20**

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan **Program Jalinan Kasih 'Home Help Services' Sempena Sambutan Ulangtahun MPSJ ke 20** seperti maklumat berikut:

**Tarikh** : 28 September 2017 (Khamis)  
**Masa** : 9.00 pagi – 12.00 tengah hari  
**Tempat** : PDK Cahaya Kasih  
Pusat Pemulihan Dalam Komuniti  
No. 13, Jalan SS14/2, Subang Jaya,  
Selangor

Pada tahun 2017, MPSJ telah merangka satu lawatan ke Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) yang ditubuhkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) iaitu memberikan latihan kepada anak-anak Orang Kurang Upaya (OKU) bagi membantu meringankan bebanan yang ditanggung oleh keluarga mereka.

Program Khidmat Bantu Di Rumah (*Home Help Services*) adalah merupakan program kerjasama MPSJ dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Subang Jaya. Ia merupakan Plan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (National Blue Ocean Strategy NBOS 7) bagi menggalakkan masyarakat tentang keperihatinan masyarakat iaitu fokus kepada kanak-kanak OKU.

## 2.8 LAPORAN DEMAM DENGGI

Sehingga **minggu epid ke 32** tahun 2017, MPSJ telah mencatatkan sejumlah **3,992** kes demam denggi . Jumlah ini menunjukkan penurunan sebanyak 40% jika dibandingkan dengan bilangan kes pada minggu epid yang sama pada tahun lepas iaitu sebanyak 6,616 kes.

Lokaliti hotspot demam denggi sehingga minggu epid ke 32 adalah berjumlah **6** iaitu mengikut pecahan zon seperti berikut;

BIL	ZON	BILANGAN LOKALITI HOTSPOT
1.	Subang Jaya	3
2.	Seri Serdang	1
3.	Seri Kembangan	1
4.	Kinrara	1
<b>JUMLAH</b>		<b>6</b>

## 2.9 LAPORAN TINDAKAN PENGUATKUASAAN ISU SAMPAH HARAM

Sehingga bulan **Julai 2017** sebanyak **67** Notis Tawaran Kompaun (NTK) telah dikeluarkan dan **5** sitaan kenderaan telah dilakukan. Sebanyak **32** NTK dikeluarkan di bawah **Seksyen 4** (Kesalahan membuang apa-apa sampah di tempat awam), **21** NTK di bawah **Seksyen 6** (Kesalahan tidak menyediakan tong sampah di premis perniagaan) dan **14** NTK di bawah **Seksyen 12** (Kesalahan membuang buangan perindustrian dan buangan dagangan yang ditetapkan oleh Majlis). Kesemua NTK ini dikeluarkan di bawah **Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah (UUK PPS) MPSJ 2007**.



### **3.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL.7 /2017**

Minit Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 7 Tahun 2017 yang telah diadakan pada 26 Julai 2017 (Rabu) disahkan tanpa pindaan.

### **4.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT**

Tiada perkara berbangkit.

### **5.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA**

#### **5.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 15/2017 bertarikh 5 Ogos 2017**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju** menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
1.	Para 3.2 & m/surat 7	Encik Pooi Weng Keong	Permohonan kebenaran merancang perubahan material kegunaan tanah daripada pertanian kepada perindustrian (Bangunan sementara gudang menyimpan barangan runcit) di atas PT 40180, Kampung Kuala Sungai Baru, Puchong untuk	Beliau memohon agar Ahli-Ahli Mesyuarat mengkaji semula keputusan Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil. 15/2017 yang telah menolak permohonan baru kebenaran merancang yang telah dikemukakan oleh pemohon.  <b><u>Maklum balas</u></b>  Tuan Pengerusi mencadangkan supaya perkara ini dibincangkan semula di dalam

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
			Encik Salim bin Mukri.	Mesyuarat Jawatankuasa OSC yang akan datang.  <b>Tindakan : Urusetia Pusat Setempat (OSC)</b>  <b>Jabatan Perancangan Bandar</b>

## 5.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 16/2017 bertarikh 16 Ogos 2017

---

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju** menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 4.4 & m/surat 10	Encik Chia Yew Ken	Permohonan kebenaran merancang perubahan material kegunaan bangunan daripada kedai pejabat kepada pendidikan swasta (tadika) di alamat No. D-01-52 & D-01-53, IOI Boulevard, Jalan Kenari 5, Bandar Puchong Jaya, Puchong, Selangor.	Beliau mencadangkan agar pihak Majlis meneliti dan membuat pertimbangan yang sewajarnya terhadap permohonan untuk mendirikan pusat pendidikan swasta seperti tadika di kawasan komersial kerana ia akan melibatkan masalah kesesakan lalulintas dikawasan tersebut.  Encik Mohan Singh a/ Surtar Singh turut mencadangkan supaya syarat-syarat kelulusan diperketatkan serta pihak Majlis perlu membuat perancangan bagi mengatasi permasalahan

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				ini.  <b><u>Maklum balas</u></b>  Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa pihak Majlis mengambil maklum di atas cadangan-cadangan tersebut.  <b>Tindakan : Jabatan Perancangan Bandar</b>

**5.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan Dan Teknologi Maklumat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 6/2017 bertarikh 7 Ogos 2017**

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju** menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**5.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 8/2017 bertarikh 7 Ogos 2017**

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju** menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**5.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit Dan Pengurusan Korporat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 7/2017 bertarikh 8 Ogos 2017**

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju** menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 2.1 & m/surat 1	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	Laporan pengurusan aduan bulan Jun 2017.	<p>Beliau meminta pihak Majlis memberi perhatian serius terhadap prestasi penyelesaian aduan sebenar di tapak supaya ianya selari dengan peratus penyelesaian aduan yang terdapat di dalam sistem aduan dan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat.</p> <p style="text-align: right;"><b>Tindakan : Semua Jabatan</b></p>
2.	Para 5.1.4 & m/surat 10	Encik Pooi Weng Keong	Laporan muktamad: Pemeriksaan audit ke atas caj bayaran dan tuntutan <i>Goods and Services (GST)</i>	<p>Beliau mencadangkan supaya pihak Majlis menubuhkan suatu jawatankuasa bagi menangani isu-isu berbangkit mengenai GST.</p> <p><b><u>Maklum balas</u></b></p> <p>Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa sesi perbincangan bersama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) akan diadakan. Perbincangan ini akan turut melibatkan Ahli-Ahli Majlis MPSJ.</p> <p style="text-align: right;"><b>Tindakan : Jabatan Hasil</b></p>

## 5.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 8/2017 bertarikh 9 Ogos 2017

---

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju** menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

## 5.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 8/2017 bertarikh 15 Ogos 2017

---

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju** menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 5.22 & m/surat 28	Tuan Hj. Mohd Zulkurnain bin Che Ali	Cadangan bagi perakuan pelantikan peguam bagi mendapatkan pandangan perundangan berhubung isu letak kereta yang dikendalikan oleh Syarikat Godell Parking Sdn. Bhd. melalui perjanjian konsesi bertarikh 22 Oktober 2013	Tuan Pengerusi mencadangkan agar pihak Majlis tidak melantik peguam bagi mendapatkan pandangan perundangan berhubung isu letak kereta untuk pelaksanaan sistem kupon secara usahasama dengan Syarikat Godell Parking Sdn. Bhd.  Tindakan ini dicadangkan kerana isu-isu yang melibatkan aspek perundangan akan mengambil masa yang agak lama untuk diselesaikan.  Sehubungan itu,

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				pelaksanaan kupon akan dikekalkan dan dibuat secara usahasama dengan pihak Syarikat Godell Parking Sdn. Bhd.  Setelah meneliti dan berbincang mesyuarat bersetuju dengan cadangan tersebut.  <b>Tindakan : Jabatan Undang-Undang Jabatan Perbendaharaan</b>

**5.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 8/2017 bertarikh 15 Ogos 2017**

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju** menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**5.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan dan Kesihatan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 8/2017 bertarikh 16 Ogos 2017**

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju** menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 11.3 & m/surat 18	Encik Chong Hoon Ming	Permohonan perniagaan dan iklan bagi kilang percetakan di Lot 5249, Jalan BS7/1, Kawasan Perindustrian Bukit Serdang (Syarikat Swan Printing Sdn. Bhd.)	<p>Beliau memohon agar Ahli-Ahli Mesyuarat mengkaji semula keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan dan Kesihatan Bil. 8/2017 yang telah meluluskan dengan syarat permohonan lesen perniagaan dan iklan yang telah dikemukakan oleh pemohon.</p> <p><b><u>Maklumbalas</u></b></p> <p>Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju untuk membuat pindaan ke atas keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan dan Kesihatan Bil. 8/2017 dengan menangguhkan permohonan tersebut dengan alasan lawatan tapak khas akan diadakan bersama ADUN Kawasan, Ahli Majlis Jawatankuasa Mesyuarat dan pegawai dari jabatan teknikal dalaman MPSJ untuk mengkaji dengan lebih jelas isu ini sebelum sebarang keputusan diambil.</p> <p><b>Tindakan : Jabatan Pelesenan</b></p>

## **6.0 PEMBENTANGAN KERTAS MESYUARAT/KERTAS MAKLUMAN**

### **6.1 Pengesahan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bagi Membincangkan Penyewaan Tapak Paparan Iklan Di Dalam Kawasan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil.02/2017 (Kertas Mesyuarat Bil. 07/08/2017)**

-----

Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan oleh Puan Hajah Aida binti Omar, Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta.

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat **bersetuju menerima dan meluluskan** Minit Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bagi Membincangkan Penyewaan Tapak Paparan Iklan Di Dalam Kawasan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 02/2017 tersebut tanpa sebarang pindaan.

### **6.2 Kertas Makluman Cadangan Pindaan Garis Panduan Tambahan dan Ubahsuaian Rumah Kediaman (Kertas Mesyuarat Bil. 08/08/2017)**

-----

Kertas makluman ini telah dibentangkan oleh Encik Ismail bin Muhamad, Pengarah Jabatan Perancang Bandar.

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat **bersetuju menerima dan meluluskan** Cadangan Pindaan Garis Panduan Tambahan dan Ubahsuaian Rumah Kediaman Sedia Ada yang telah diluluskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil. 5/2017 bertarikh 15 Disember 2015 untuk rumah teres, rumah berkembar dan rumah sesebuah serta pengecualian kebenaran merancang di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Subang Jaya tersebut tanpa sebarang pindaan.



## **7.0 PENUTUP**

Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.30 pagi. Mesyuarat Penuh MPSJ bulan **September 2017** akan diadakan pada **27 September 2017(Rabu)** jam 10.00 pagi.

Tarikh Disediakan : 29 Ogos 2017

**" MEMBANGUN BANGSA MEMAKMUR NEGERI "**

**" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "**

**Disediakan oleh;**

.....  
**(NIK ZALINA BINTI MEGAT MUDA),**  
Timbalan Pengarah  
Jabatan Khidmat Pengurusan  
**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**

**Disahkan oleh;**

.....  
**(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), A.M.N., A.M.S.**  
Timbalan Yang Dipertua  
**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**

## LAMPIRAN A

### HADIR

- |     |   |   |             |
|-----|---|---|-------------|
| 1.  | Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.<br>Timbalan Yang Dipertua | - | Pengerusi   |
| 2.  | Encik Pooi Weng Keong   | - | Ahli Majlis |
| 3.  | TPr. Hj. Jaber bin Ami, P.J.K.  | - | "           |
| 4.  | Encik Roslan Shahir bin Mohd Shahir   | - | "           |
| 5.  | Encik Edwin Lim Hock Lee  | - | "           |
| 6.  | Encik Stephen Chin Sou Bong   | - | "           |
| 7.  | Encik Tai Cheng Heng  | - | "           |
| 8.  | Encik Chong Hoon Ming   | - | "           |
| 9.  | Encik Chia Yew Ken  | - | "           |
| 10. | Encik Yap Kok Weng  | - | "           |
| 11. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh  | - | "           |
| 12. | Encik Mohamad Rosharizan bin Mohd Rozlan  | - | "           |
| 13. | Encik Wan Hock Leong, P.J.K., P.J.M., P.P.A.                                    | - | "           |
| 14. | Puan Norzaihan binti Ismail   | - | "           |
| 15. | Encik P. Ravi Chandaran a/l Periasamy   | - | "           |
| 16. | Puan Sharmazira binti Md Sharif   | - | "           |
| 17. | Puan Kavitha a/p Chandragesen   | - | "           |

- |     |                               |   |   |
|-----|-------------------------------|---|---|
| 18. | Puan Wong Siew Ki             | - | " |
| 19. | Dr. Mahendran a/l V Markandoo | - | " |

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

- |    |   |   |             |
|----|---|---|-------------|
| 1. | Ir. Izham bin Hashim                    | - | Ahli Majlis |
| 2. | Encik Mahanatan a/l Embamurthi          | - | "           |
| 3. | Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli  | - | "           |
| 4. | Puan Azalea Zulaikha binti Hj. Zulkifli | - | "           |
| 5. | M. Anbarasan a/l Murugesu               | - | "           |
| 6. | Encik Chang Kim Loong                   | - | "           |

**TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)**

1. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, P.J.K  
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
2. TPr. Ismail bin Muhamad, A.I.S.  
Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
3. Encik Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N., A.M.S.  
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
4. Encik Ismail bin Salim, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
5. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.  
Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam

6. Puan Hjh. Anita binti Abd. Jalil, P.P.T.  
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
7. Puan Hjh. Aida binti Omar  
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
8. Puan Hjh. Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Hasil
9. Encik Muhammad Azli bin Miswan  
Pengarah, Jabatan Pelesenan
10. Puan Hjh. Noraziah binti Ali, P.J.K  
Pengarah, Jabatan Audit Dalam
11. Encik Nazarudin bin Mashtuki  
Pengarah, Jabatan Kontrak & Ukur Bahan
12. Encik Samzol bin Saat  
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
13. Cik Rozdiana binti Mohd Rosmi  
Pengarah, Jabatan OSC
14. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan
15. Puan Emilia binti Nasir  
Penolong Pengarah, Unit Integriti
16. Encik Mohd Hafiz bin Sharif  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan  
Pembersihan Awam
17. Encik Mohd Faudzi bin Nazaruddin  
Timbalan Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
18. Cik Hasnor Salwa binti Harun

Penolong Pengarah Kanan, Penilaian Dan Pengurusan Harta

19. Encik Mohd Haizi bin Harun  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan
20. Puan Norsilawati binti Mohd Yatim  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Hasil
21. Encik Mohd Safiee bin Junun  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan
22. Encik Nordin bin Harun  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kesihatan
23. Puan Siti Kartina binti Juhari  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
24. Encik Muhammad Iman bin Shafie Pati  
Penolong Pengarah, Perancang Bandar Bandar
25. Puan Raja Norfadzila binti Raja Ayob  
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
26. Puan Nadia binti Abu Baharin  
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
27. Puan Nurfadzliana binti Ahmad Fadzil  
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
28. Puan Zalmah binti Yahya  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
29. Puan Azizah binti Idris  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
30. Encik Raja Mohd Ashraf bin Raja Chik  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
31. Puan Nur Maini binti Ariffin

- Penolong Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
32. Encik Mohd Fadil bin Alos  
Penolong Pengarah, Jabatan Audit Dalam
33. Encik Tarmidi bin Kadri  
Penolong Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
34. Encik Muhammad Iskandar Z bin Azmi  
Penolong Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
35. Puan Mazlina binti Mustafa  
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam
36. Cik Nadia binti Muhamad Amin  
Penolong Pengarah, Bahagian Landskap
37. Puan Mazura binti Mohamad  
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
38. Encik Zamir Umbra bin Shahimi  
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
39. Encik Mohamad Junus bin Baharom  
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
40. Puan Nurul Ain binti Mohammad Napiah  
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
41. Puan Nabila Amalina binti Mohd Hamid  
Penolong Pengarah, Jabatan Kontrak & Ukur Bahan
42. Puan Siti Mahirah binti Sidik  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
43. Puan Nurul Saadah binti A. Wahab  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang

44. Cik Roshaira binti Rosly  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
45. Encik Muhammad Shah Faris bin Kamarulzaman  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
46. Encik Mohd Yusnaidi bin Salleh  
Penolong Pengarah, Jabatan COB
47. Cik Zamzamah binti Dato' Zainuddin  
Penolong Pengarah, Jabatan OSC

### **URUS SETIA**

1. Puan Nik Zalina binti Megat Muda  
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Encik Salmi bin Mat Saad  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Juliana binti Jaafar  
Penolong Pegawai Tadbir (Kanan), Jabatan Khidmat Pengurusan
4. Puan Norawalia binti Shafiai  
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan